

## SOALAN LAZIM

### SURAT EDARAN RUJUKAN JPA.100-1/4/2 (15) BERTARIKH 12 JANUARI 2021 ARAHAN PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DI BAWAH PERINTAH-PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah yang dimaksudkan oleh perkhidmatan perlu ( <i>essential services</i> ) di dalam Surat Edaran JPA: Arahan Pengoperasian Pejabat Kerajaan Di Bawah Perintah-Perintah Kawalan Pergerakan bertarikh 12 Januari 2021?	<p>Selaras dengan perenggan 6.1.2 Garis Panduan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020: Dasar Bekerja Dari Rumah; tertakluk kepada Arahan Kerajaan, perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) di dalam perkhidmatan awam merujuk kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang pada pertimbangan Ketua Jabatan tidak boleh ditangguhkan/dikurangkan pelaksanaannya. Ketua Jabatan hendaklah <b>menetapkan</b> perkhidmatan perlu dalam organisasi masing-masing di mana berkaitan.</p> <p>Sebagai contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) pegawai yang bekerja di lapangan sepanjang tempoh waktu bekerjanya; atau</li><li>(ii) pegawai yang berurusan secara terus dengan orang ramai atau kumpulan sasar sama ada di kaunter perkhidmatan, institusi kebajikan atau lain-lain yang seumpama dengannya.</li></ul> <p>Pegawai yang telah dikenal pasti terlibat dalam perkhidmatan perlu oleh Ketua Jabatan, hendaklah hadir bertugas di pejabat/lapangan. Dalam perkara ini, Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan peraturan ini dilaksanakan dengan teratur supaya kesinambungan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat dan negara tidak terjejas.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
2.	Adakah pegawai yang terkandas di kampung dalam tempoh PKP ini boleh BDR di kampungnya susulan sekatan rentas negeri yang diumumkan oleh Kerajaan pada 11 Januari 2021 yang lalu?	<p>Tidak boleh. Pegawai perlu kembali ke stesen bertugas. Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah memberikan kelonggaran kepada individu yang terkandas di kampung atau tempat-tempat lain untuk pulang ke kediaman masing-masing sehingga 15 Januari 2021.</p> <p>Sekiranya pegawai memilih untuk kekal di kampung, pegawai perlu menggunakan kemudahan cuti rehat atau cuti-cuti lain yang layak tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.</p>
3.	Puan Aminah balik ke kampungnya di Sabah sebelum pengumuman PKP oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Januari 2021 dan penerbangan pulang beliau ke Semenanjung Malaysia telah dibatalkan/ditunda oleh syarikat penerbangan. Adakah Puan Aminah boleh BDR di Sabah?	<p>Tidak boleh. Pegawai perlu kembali ke stesen bertugas memandangkan tiada arahan penangguhan perkhidmatan penerbangan dalam tempoh PKP oleh Kerajaan.</p> <p>Pegawai hanya boleh BDR di Rumah seperti mana tafsiran Rumah dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020.</p> <p>Sekiranya Puan Aminah memilih untuk kekal di Sabah, beliau perlu menggunakan kemudahan cuti rehat atau cuti-cuti lain yang layak tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.</p>